

# SIRIM, ST lancar kempen kesedaran keselamatan

Utusan Malaysia-Ekonomi 16/2/2021 m/s 36

Oleh SHAFIQAH SHUKOR  
shafiqah.shukor@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Anak syarikat milik penuh SIRIM Berhad, SIRIM QAS International bersama Suruhanjaya Tenaga (ST) melancarkan Kempen Kesedaran Keselamatan dalam usaha untuk mengawal penjualan produk elektrik dan elektronik (E&E) tidak diperakui, termasuk dalam talian.

Kempen itu bertujuan meningkatkan kesedaran pengguna dan pemain industri tentang kepentingan label SIRIM-ST pada peralatan E&E.

Kempen selama tiga bulan itu akan dimulakan dengan pelancaran sebuah video di platform media sosial, yang menekankan kepentingan membeli barangan E&E yang diperakui oleh SIRIM-ST.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM, Datuk Ir. Dr. Ahmad Fadzil Mohamad Hani berkata, pengguna harus berwaspada dan hanya membeli peralatan elektrik yang diluluskan oleh SIRIM-ST.

"Langkah ini bagi mengelakkan kemalangan atau kebakaran yang boleh membawa kecederaan atau kematian.

"Label SIRIM-ST mengesah-



**PENGGUNA** dinasihatkan menggunakan peralatan elektrik dan elektronik yang mendapat perakuan daripada SIRIM dan Suruhanjaya Tenaga bagi menjamin keselamatan mereka. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI

kan produk berkenaan selamat untuk digunakan, oleh itu keselamatan mereka dapat dijamin," katanya dalam sidang akhbar perasmian kempen tersebut yang dilakukan secara maya, semalam.

Jelasnya, usaha itu penting kerana gajet, peralatan berkaitan sukan dan perkakas

rumah adalah antara pembelian *online* tertinggi di Malaysia berdasarkan tinjauan dilakukan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada 2018.

Ahmad Fadzil berkata, kajian oleh ST turut mendedahkan dalam tempoh lima tahun lepas, kemalangan elektrik secara pu-

rata adalah 52 peratus setahun.

"Pada 2020, sebanyak 45 kes dilaporkan melibatkan 28 kematian dan 17 kemalangan lagi yang tidak melibatkan kematian.

"Penggunaan peralatan elektrik tidak disahkan dan rosak adalah antara faktor yang menyebabkan kemalangan di premis domestik," ujarnya.